
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HMT 322 – Aspek-Aspek Teori Linguistik Am

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi DUA bahagian. Jawab DUA soalan daripada setiap bahagian. Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Bahagian A: Jawab DUA soalan. **Soalan 1** adalah WAJIB.

Bahagian B: Jawab DUA soalan.

Bahagian A

1. Lengkapkan **JADUAL 1** di bawah ini dengan maklumat yang sesuai. Gunakan format ini dan tulis jawapan di dalam kertas jawapan.

JADUAL 1

INDIVIDU & CIRI-CIRI	KERANGKA TEORI BAHASA		
	Aliran Generatif	Aliran Struktural (Amerika)	Aliran Tradisional
[i] Individu yang berpengaruh			
[ii] Matlamat			
[iii] Objek kajian			
[iv] Metodologi			
[v] Sumber Data			
[vi] Andaian			
[vii] 'Tatabahasa'			

[100 markah]

2. Jawab [a] DAN pilih [b] ATAU [c].

[a] Konsep-konsep berikut adalah berkaitan dengan kajian linguistik ala Chomsky dan kajian linguistik ala Bloomfield. Pilih LIMA dan huraikan setiap satu dengan jelas. Setiap huraian mestilah disertai dengan contoh.


- [i] Tatabahasa Sejangat dan Taksonomi
- [ii] Kekreatifan bahasa dan 'The poverty of the stimulus'
- [iii] Struktur Dalaman dan Struktur Luaran
- [iv] Transformasi dan Ubah- α
- [v] Teori X-berpalang dan Rumus Stuktur Frasa
- [vi] Mentalis dan Mekanis
- [vii] Tahap Kepadaan

[50 markah]


SAMA ADA

- [b] Dengan merujuk kepada **Lakaran A** dan **Lakaran B**, jawab soalan [i-iii].

Lakaran A



Lakaran B



- [i] Kenal pasti lakaran yang manakah yang menggambarkan idea aliran Struktural dan aliran Tatabahasa Generatif.
- [ii] Berdasarkan lakaran kasar ini, bincangkan pandangan masing-masing tentang sifat bahasa yang sepatutnya dikaji. Dalam perbincangan tersebut, huraikan kepentingan 'sains' dan perkembangan psikologi dalam mencorakkan kajian mereka tentang bahasa.
- [iii] Sesuaikan idea Saussure tentang dikotomi *langue/parole* dalam konteks kedua-dua aliran teori ini.

[50 markah]

ATAU

[c] Jawab [i] DAN [ii].

'Aliran Struktural yang bersifat sains pengelasan mempercayai bahawa fonem adalah unit terkecil yang boleh membezakan makna serta mencari sistem atau pola unit-unit terkecil itu seperti pasangan minimal dan kelainan bebas. Sebaliknya, teori Tatabahasa Transformasi-Generatif yang dipelopori oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 adalah bersifat generatif yang bertujuan memformalisasikan kecekapan fonologi intrinsik sesuatu bahasa sebagai satu sistem rumus yang bertanggungjawab melahirkan representasi fonetik' (Farid Onn, 1988:170).

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan konsep-konsep fonologi-generatif berikut:

[i] Fitur distingtif

[ii] Sistem rumus

[50 markah]

Bahagian B

4. Jawab soalan [a] DAN [b].

- [a] Hujahkan bahawa sesungguhnya penutur asli mempunyai pengetahuan tersebut tentang keputan struktur dan sifat hierarki struktur. Gunakan ayat yang mempunyai **ketaksaan struktur** dan **ayat parafrasa** sebagai bukti hujahan anda. Gunakan Model Teori Kuasaan dan Tambatan. Ilustrasi yang jelas mestilah dipamerkan melalui rajah pohon.

[50 markah]

- [b] Bincangkan dan tunjukkan bagaimana ayat-ayat dalam **DATA A** dijana berdasarkan:

[i] Model Teori Standard

[ii] Model Teori Kuasaan dan Tambatan

DATA A

AYAT I: Pelancong asing dari Sweden itu sudah tahu bahawa satu gempa bumi akan berlaku.

AYAT II: Rozi mahu mencederakan dirinya sendiri semalam.

[50 markah]

5. Jawab [a] DAN [b].

- [a] Dalam versi Teori Tatabahasa Generatif (TG) selepas Teori Standard dan Teori Standard Tambahan, diandaikan bahawa setiap ayat mestilah mempunyai subjek sepanjang ia diterbitkan dari struktur dalaman ke struktur luaran. Buktikan bahawa dakwaan tersebut adalah benar bagi ayat-ayat terbitan dalam **DATA B** di bawah ini, dan bincangkan bagaimana teori TG cuba membuktikannya. Sertakan grid teta bagi setiap kata kerja dalam ayat-ayat tersebut.

DATA B

AYAT I:	Peristiwa itu telah menyebabkan pelanggan datang menuntut jawapan.
AYAT II:	Dia terkejut melihat Hanisah berdiri di hadapannya.
AYAT III:	Orang tua itu sedang mencari peluang untuk bercakap sesuatu.

[50 markah]

- [b] Dalam tempoh 40 tahun berkembangnya Teori Tatabahasa Generatif, cara menganalisis sesetengah struktur ayat telah berubah. Antaranya ialah struktur ayat pasif. Gunakan ayat berikut untuk kerja analisis anda.

- [i] Tukarkan ayat berikut kepada bentuk pasifnya:

Ayat: Asri telah memikul seguni beras semalam.

Bentuk Pasif: _____

- [ii] Tunjukkan dan bincangkan perubahan cara menganalisis ayat pasif yang anda perolehi daripada [i] dengan menggunakan model Teori Standard dan model Teori Kuasaan dan Tambatan.

[50 markah]

6. **DATA C** di bawah ini mengandungi sejumlah perkataan daripada bahasa Melayu moden.

Hasilkan satu deskripsi tatabahasa dari aspek morfologinya berdasarkan pendekatan Struktural ala Bloomfield.

DATA C

pembantu	penahan	penutup	pemisah	pengukur
penjual	pelaut,	penghasut	pengganti	pemabuk
penasihat	pengolah	penyiar	pendera	pengikis
perusuh	pengelap	tertinggi	terburuk	terendah
terkasar	terbaru	tersepak	tercakup	terbuang
keriangan	kesempatan	kerisauan	kehujanan	kepanasan
kemelayuan	keseorangan	membeli	dibeli	membelikan
mengecil	mengecilkan	membuang	dibuang	buangan
kehadiran	kecurian	kuda	kuda-kuda	langit
langit-langit	rembat	rembatan	merembat	pendepanan
pendarahan	kertas	kertas-kertas	mencari-cari	kuih-muih
gunung-ganang	bulat-bulat	hitam-hitam	tersenyum	pakai
memakai	pakaian	dipakai	terpakai	memakaikan
pemakaian	besar kepala	ibu tunggal	kayu api	kereta terpakai
rumah pangsa	guna pakai			

[100 markah]